

30 AUG 1997

LAPORAN MINGGUAN KLOFFE

KUALA LUMPUR, 30 Ogos (Bernama) -- Kontrak hadapan Indeks Komposit di Bursa Opsyen dan Niaga Hadapan Kewangan Kuala Lumpur (KLOFFE) dijangka meningkat minggu depan berikutan belian oleh pelabur institusi tempatan.

Pasaran kontrak hadapan akan disokong oleh kebanyakan institusi utama tempatan sejajar dengan pasaran tunai berikutan arahan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Penganalisis berkata jualan asing dijangka berakhir dalam dua hingga tiga hari urus niaga dan institusi tempatan pula akan menguasai pasaran hadapan itu.

"Ringgit, yang prestasinya dijangka bertambah baik minggu depan, juga menjanjikan potensi baik bagi pasaran hadapan," seorang penganalisis berkata.

Pada pukul 5.04 petang Jumaat, matawang tempatan ditutup pada 2.8949/95 berbanding dolar Amerika daripada penutupan Khamis 2.8850/00. Unit tempatan meningkat hampir 160 mata apabila dibandingkan dengan pembukaan Jumaat 2.9480/30.

Sepanjang minggu ini, kontrak Ogos merosot sebanyak 109.4 mata kepada 794.3 daripada 903.7 Jumaat lepas manakala Sept pula susut 166.0 mata kepada 735.0 daripada 901.0 sebelumnya.

Jumlah dagangan meningkat kepada 18,102 kontrak berbanding 9,144 kontrak pada minggu sebelum ini. Kedudukan pembukaan pula berjumlah 8,982 kontrak pada Jumaat berbanding 6,123 kontrak Jumaat lalu.

Indeks Komposit di pasaran saham ditutup minggu ini pada 804.40, menjunam sebanyak 100.60 mata daripada minggu sebelum ini.

Dalam minggu ini, pasaran hadapan bergerak hampir sealiran dengan pasaran tunai, di mana ia merosot dengan ketara pada Khamis kerana pasaran tunai terjejas teruk oleh peraturan baru BSKL mengenai "serahan sebelum jualan" yang diumumkan pada Rabu.

Pasaran hadapan tertekan oleh jualan pelabur asing dengan kontrak Ogos ditutup pada 767.0 mata pada Khamis berbanding 842.0 pada Rabu manakala Sept merosot kepada 744.0 mata daripada 839.5 mata sebelumnya.

Bagaimanapun, pasaran hadapan disokong oleh belian institusi tempatan pada Jumaat dan ia menunjukkan beberapa tanda pemulihan untuk minggu depan.

-- BERNAMA

DAB MA